



Banjir Oh Banjir

MAKLUMAT UMUM



PERSIAPAN AWAL

SEBELUM BANJIR

1. Semua dokumen penting disimpan dalam satu bekas/ tempat yang selamat (contoh: surat beranak, geran motor/ geran kereta/ geran tanah/ sijil-sijil persekolahan/ kad klinik termasuk ubat-ubatan)



2. Ikuti perkembangan lanjut mengenai maklumat banjir dari semasa ke semasa



3. Pindah segera bila diarahkan



SEMASA BANJIR

MENINGGALKAN RUMAH

1. Pindah segera ke pusat pemindahan banjir apabila diarahkan



2. Bawa bersama semua dokumen penting dan ubat-ubatan



3. Tutup semua suis elektrik, injap utama bekalan air dan gas sebelum meninggalkan rumah

4. Jangan hampiri dawai elektrik yang jatuh ke dalam air



5. Elakkan dari meredah jalanraya yang ditenggelami air



SEMASA BANJIR

DI PUSAT PEMINDAHAN



1. Sentiasa makan makanan yang telah dimasak. Elakkan makanan mentah
2. Pastikan anda minum air yang telah dimasak/ air minuman yang telah dibotolkan
3. Jaga kebersihan diri dan kawasan sekeliling. Gunakan kemudahan asas yang disediakan seperti tandas dan tong sampah
4. Jaga kebersihan diri dan kawasan sekeliling:
 - Basuh tangan sebelum makan dan selepas ke tandas
 - Gunakan tandas yang sempurna
 - Buang sampah di tempat yang disediakan
5. Jangan biarkan kanak-kanak bermain air banjir kerana boleh mengakibatkan pelbagai penyakit yang berbahaya dan juga mengancam nyawa
6. Segera dapatkan rawatan sekiranya anda mengalami demam, cirit-birit, muntah dan lain-lain
7. Patuhi nasihat yang diberikan oleh anggota petugas kesihatan atau Pihak Berkuasa Tempatan

SELEPAS BANJIR

PEMBERSIHAN

1. Bersihkan kawasan di dalam dan sekitar rumah anda

- Semasa kerja-kerja pembersihan, pakai alat pelindung diri seperti but getah, dan sarung tangan
- Selepas kerja-kerja pembersihan, bersihkan diri dengan sempurna



2. Bersihkan peralatan rumah, pinggan mangkuk dan pakaian yang dicemari air banjir dengan air bersih dan bahan pencuci



3. Lupuskan sampah dan bangkai binatang dengan cara yang betul



4. Segera dapatkan rawatan sekiranya anda mengalami demam, cirit-birit, muntah dan lain-lain



5. Patuhi nasihat yang diberikan oleh anggota kesihatan dan Pihak Berkuasa Tempatan





**BAHAGIAN PERUNDING KESIHATAN PERSEKITARAN
JABATAN KERAJAAN TEMPATAN**

**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN
BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Laman Web : <http://jkt.kpkt.gov.my>

Ara 26, No.51, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya.

Tel : 03 8891 5000 Faks : 03 8891 3008

(Jumlah Cetakan : 50,000/2016)